

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**IEK 308 – Rekabentuk Loji Pengolahan Air**

Masa: 3 jam



---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN (9) mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di **BAHAGIAN A** dan **SATU (1)** soalan di **BAHAGIAN B**. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

**BAHAGIAN A**

1. a. Tentukan keperluan oksigen “carbonaceous”, nitrogenus dan jumlah keperluan oksigen (ultimate BOD<sub>5</sub>) untuk satu liter air sisa industri yang mengandungi 250 mg glycine (CH<sub>2</sub>(NH<sub>2</sub>)COOH) dan 200 mg glukosa (C<sub>6</sub>H<sub>12</sub>O<sub>6</sub>). Persamaan seimbang bagi tindakbalas aerobik yang terlibat adalah seperti berikut:



(C = 12; O = 16; N = 14; H = 1)

(10 markah)

- b. Sebuah kilang pembuatan berasaskan susu getah asli bercadang untuk memasang penuras pasir cepat (rapid sand filter) selepas tangki pemendapan akhir sebagai sebahagian daripada sistem olahan yang baru untuk kilang mereka. Penuras tersebut direkabentuk untuk menerima kadar bebanan permukaan sebanyak 200 m<sup>3</sup>/hari.m<sup>2</sup>.

- (i) Berapakah keluasan permukaan penuras yang diperlukan untuk rekabentuk kadar aliran 0.5 m<sup>3</sup>/s.
- (ii) Jika keluasan permukaan bagi setiap kotak penuras dihadkan kepada 54 m<sup>2</sup>, berapa banyaknya kotak penuras yang diperlukan.

(10 markah)

2. Sebuah kilang memproses makanan mempunyai sistem olahan biologi secara masa pengudaraan dipanjangkan (extended aeration) yang mengolah airsisanya pada kadar  $0.15 \text{ m}^3/\text{s}$ . Airsisa mentahnya mempunyai kepekatan  $\text{BOD}_5$  sebanyak  $1000 \text{ mg/L}$ . Sistem olahan tersebut menghasilkan  $25 \text{ mg/L}$  effluent  $\text{BOD}_5$  dan  $30 \text{ mg/L}$  pepejal terampai yang mematuhi had piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Effluent Kumbahan dan Industri) Peraturan 1979. Dianggarkan  $50\%$  daripada kepekatan effluent pepejal terampai merupakan  $\text{BOD}_5$ .

Diberi;	$K_d$	=	$0.05/\text{hari}$
	$Y$	=	$0.5 \text{ mg VSS/mg BOD}_5$
	$\mu_{maks}$	=	$2.0/\text{hari}$
	pemalar halaju separa	=	$100 \text{ mg/L BOD}_5$
	HRT	=	$16 \text{ jam}$

dan diberi;

$$\left( \frac{\mu_{maks}S}{K_s + S} \right) = \frac{Q_w X_r}{VX} + k_d \quad (1)$$

$$\left( \frac{\mu_{maks}S}{K_s + S} \right) = \frac{Q}{V} \frac{Y}{X} (S_0 - S) \quad (2)$$

$$\frac{Q_w X_r}{VX} = \frac{Q}{V} \frac{Y}{X} (S_0 - S) - k_d \quad (3)$$

- a. Kirakan kepekatan effluen  $BOD_5$  terlarut (dalam unit mg/L) bagi sistem enapcemar teraktif tersebut.
- b. Kirakan masa tahanan purata sel-sel (dalam unit hari) bagi sistem enapcemar teraktif tersebut.
- c. Kirakan kepekatan biomas (dalam unit mg/L) dalam tangki pengudaraan sistem enapcemar teraktif tersebut.
- (20 markah)
3. Sebuah sistem enapcemar teraktif mengolah  $0.150 \text{ m}^3$  per saat air sisa dengan kepekatan  $BOD_5$  terlarut bagi influen dan effluen ialah 200 dan 20 mg/L masing-masing.

**Kirakan untuk sistem enapcemar teraktif ini;**

- (a) masa tahanan purata sel-sel
- (b) kepekatan mikroorganisma dalam tangki pengudaraan
- (c) nisbah makanan terhadap mikroorganisma
- (d) kadar penghasilan bersih enapcemar setiap hari
- (e) kadar aliran air sisa yang dibuang
- (f) kadar aliran edar ulang

**NOTA:** Gunakan parameter biokinetik dan ciri-ciri fizikal yang diberikan seperti berikut:

$K_s$	=	25.0 mg/L
$K_d$	=	0.005 hari <sup>-1</sup>
$Y$	=	0.6 kg sel/kg BOD
$\mu_{maks}$	=	0.4 hari <sup>-1</sup>

$$\begin{array}{lcl} \text{Masa tahanan hidraulik} & = & 8 \text{ jam} \\ \text{Kepekatan pepejal edar ulang} & = & 8000 \text{ mg/L} \end{array}$$

Dan diberi;  $P_x = Q_w X_r$  (1)

**NOTA:**

- (i) Anda boleh aplikasikan persamaan-persamaan dalam SOALAN (2) bagi membantu anda membuat penyelesaian.
- (ii) Bagi membantu anda membuat penyelesaian seterusnya, terbitkan persamaan imbangan jisim untuk tangki pemendapan sekunder. Andaikan jumlah enapcemar dalam tangki pemendapan sekunder adalah malar (steady state conditions) dan effluent pepejal terampai ( $X_e$ ) diabaikan.
- (iii) Nyatakan jawapan anda dalam unit hari, mg per liter, per hari, kg per hari,  $m^3$  per hari,

(20 markah)

4. Sebuah sistem olahan kimia secara koagulasi yang berkadar aliran  $0.5 \text{ m}^3/\text{s}$  menggunakan dos alum berkepekatan  $23.0 \text{ mg/L}$ . Tidak ada bahan kimia lain yang ditambah ke dalam tangki olahan kaogulasi tersebut selain daripada alum. Airsisa mentah mengandungi pepejal terampai berkepekatan  $37.0 \text{ mg/L}$ . Effluen yang dianalisa didapati mempunyai kepekatan pepejal terampai sebanyak  $12.0 \text{ mg/L}$ . Peratus kandungan pepejal enapcemar mengikut berat ialah  $1.00$  peratus dan graviti spesifik pepejal enapcemar ialah  $3.01$  manakala ketumpatan airsisa diberikan sebagai  $1000 \text{ kg/m}^3$ .

**Berapakah isipadu** enapcemar yang perlu dilupuskan dalam masa satu hari (dalam unit  $\text{m}^3$  per hari).

Dianggarkan penghasilan enapcemar daripada proses koagulasi diberikan oleh persamaan berikut;

$$M_s = Q(0.44A + SS + M) \quad (1)$$

Di mana;

$M_s$	=	enapcemar kering yang terhasil, $\text{kg/d}$
$Q$	=	kadar aliran sistem olahan, $\text{m}^3/\text{s}$
$A$	=	dos alum, $\text{mg/L}$
$SS$	=	pepejal terampai dalam airsisa, $\text{mg/L}$
$M$	=	tambahan bahan-bahan kimia lain seperti tanah liat, polimer dan karbon teraktif, $\text{mg/L}$

Dan diberi;

$$P = \frac{W}{W + W_0} (100) \quad (2)$$

Di mana;


$P$	=	peratus bahan mengikut berat
$W$	=	gram bahan (jisim enapcemar terkumpul)
$W_0$	=	gram larutan (jisim airsisa)

Dan diberi;

$$\text{Jisim} = \text{ketumpatan} \times \text{isipadu} \quad (3)$$

$$\text{Ketumpatan bahan} = \text{graviti spesifik} \times \text{ketumpatan airsisa} \quad (4)$$

Gambarajah imbangan jisim untuk tangki pemendapan sistem tersebut diberikan seperti berikut



(20 markah)

**BAHAGIAN B**

5. a. Nyatakan jenis-jenis mendapan zarah yang sering digunakan dalam kajian air dan air sisa serta jelaskan ciri-ciri umum bagi setiap jenis zarah yang anda nyatakan. Berikan juga satu contoh zarah bagi setiap jenis mendapan yang anda nyatakan.

(7 markah)

- b. Tuliskan maklumat berkaitan fenomena dan kegunaan bagi mendapan zarah jenis pertama yang berlaku dalam proses olahan air dan air sisa. Anda boleh menggunakan gambarajah yang berkaitan bagi membantu penjelasan yang dibuat.

(7 markah)

- c. Berikan penerangan ringkas berkenaan;

- i) MLSS
- ii) MLVSS
- iii) Nisbah F/M

(6 markah)

6. a. Berikan takrifan dan penjelasan kesignifikan dalam proses biologi bagi setiap parameter biokinetik yang berikut:

- i) Y
- ii)  $K_s$
- iii)  $\mu$
- iv)  $K_d$

(12 markah)

- b. Fenomena enapcemar pukal (sludge bulking) selalu berlaku dalam sistem olahan air sisa enapcemar teraktif. Jelaskan sebab-sebab berlakunya fenomena enapcemar pukal tersebut dan apakah tindakan pembetulan yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.

(8 markah)

7. a. Bagi aliran airsisa sebanyak  $10000 \text{ m}^3$  per hari rekabentukkan sebuah tangki pemendapan primer untuk mengolah airsisa tersebut dengan masa tahanan hidrauliknya selama 2.5 jam. Kedalaman tangki pemendapan tersebut termasuk ruang bebasnya (free board spacing) ialah 3 meter.  
**Kirakan** kadar bebanan permukaan (surface loading rate) yang dibenarkan untuk tangki pemendapan primer tersebut.

(10 markah)

- b. Nyatakan dan **uraikan setiap langkah** yang terlibat dalam proses penapaian anaerobik (anaerobic fermentation)

(10 markah)

- oooOooo -